LIM TENG HOOI & CO

lwn.

TJUI TJUI PENG & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ARIFIN ZAKARIA H
[GUAMAN SIVIL NO: P23-217-1986]
9 OKTOBER 2004

PROSEDUR SIVIL: *Bidangkuasa - Kes difailkan di Mahkamah Tinggi - Jumlah penghakiman yang diperolehi di dalam bidangkuasa Mahkamah Sesyen - Sama ada bil kos yang baru difailkan berdasarkan kepada skala Mahkamah Sesyen - Sama ada A. 59 k. 27(6) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 seharusnya terpakai*

Ini adalah rayuan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang memerintahkan bahawa notis penetapan kos plaintif (lampiran 66) dibatalkan dengan kos dengan kebebasan memfailkan semula mengikut skala kos Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'). Mengikut latar belakang kes ini, tindakan ini telah difailkan pada 11 November 1986 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk wang sebanyak RM174,347. Pada masa yang berkenaan bidangkuasa Mahkamah Sesyen hanyalah RM25,000. Kes ini telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi pada 20 Oktober 2000 di mana defendan-defendan diperintahkan membayar kepada plaintif jumlah sebanyak RM56,747 bersama dengan faedah pada kadar 8% setahun dari 23 September 1986 sehingga tarikh penyelesaian penuh. Defendan-defendan juga diperintahkan membayar kepada plaintif kos tindakan ini. Sejak dari tarikh kes ini difailkan sehingga tarikh penyelesaian, pindaan telah berlaku melalui Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994 di mana bidangkuasa Mahkamah Sesyen telah dinaikkan kepada RM250,000. Plaintif menghujahkan di dalam kes ini bahawa ia boleh mematuhi Arahan Amalan No. 4 Tahun 1994 di mana kes-kes yang sedia ada (pending) di Mahkamah Tinggi adalah diarahkan untuk terus didengar dan diselesaikan di Mahkamah Tinggi.

Diputuskan (menolak rayuan dengan kos):

[1] Mahkamah bersetuju dengan hujahan defendan-defendan bahawa adalah lebih sesuai di dalam keadaan kes ini bagi bil kos yang baru difailkan berdasarkan kepada skala Mahkamah Sesyen. Plaintif seharusnya memohon satu perakuan daripada Hakim di bawah A. 59 k. 27(6) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Ini tidak dilakukan. (ms 411 h-i & 412 a)

Kes-kes yang dirujuk:

Canopee Investment Pte Ltd & Ors v. Landmarks Holdings Bhd & Ors [1990] 1 CLJ 466; [1990] 1 CLJ (Rep) 699 HC ***(dirujuk)***

Lon Kon Sing & Ors v. Kadrman Karim & Anor [1990] 2 MLJ 433 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 59 r. 27(6)

Bagi pihak plaintif/perayu - HL Wong (AL Chu bersamanya); T/n Azman Davidson & Co

Bagi pihak responden/defendan - Joy Appukuttan; T/n SK Yeoh & Partners

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Arifin Zakaria H:

Ini adalah rayuan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar yang diberikan pada 29 Ogos 2001 yang memerintahkan bahawa Notis Penetapan Kos Plaintif (Lampiran 66) dibatalkan dengan kos dengan kebebasan memfailkan semula mengikut skala kos Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 ("KMR").

Latar belakang kepada kes ini secara ringkasnya adalah sepertimana berikut. Tindakan ini telah difailkan pada 11 November 1986 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk jumlah wang sebanyak RM174,347. Pada masa yang berkenaan bidangkuasa Mahkamah Sesyen hanyalah RM25,000. Kes ini telah diputuskan oleh YA Hakim Mahkamah Tinggi pada 20 Oktober 2000 di mana defendan-defendan diperintahkan membayar kepada plaintif jumlah sebanyak RM56,747 bersama dengan faedah pada kadar 8% setahun dari 23 September 1986 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan defendan-defendan juga diperintahkan membayar kepada plaintif kos tindakan ini.

Sejak dari tarikh kes ini difailkan sehingga tarikh penyelesaian Akta Mahkamah Rendah 1948 telah dipinda sebanyak dua kali, yang di antara lainnya menyentuh bidangkuasa Mahkamah Sesyen berhubung dengan kes-kes sivil. Pertamanya melalui Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987 yang berkuatkuasa mulai dari 1 Ogos 1987 di mana bidangkuasa Mahkamah Sesyen dinaikkan kepada RM100,000. Pindaan kedua ialah melalui Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994 di mana bidangkuasa Mahkamah Sesyen telah dinaikkan kepada RM250,000 berkuatkuasa mulai dari 24 Jun 1994.

Perbicaraan kes ini telah bermula pada 12 April 1995 dan berakhir pada 1 November 1995 dengan keputusannya diberikan pada 20 Oktober 2000.

Dua Arahan Amalan yang berkaitan dengan kes ini ialah Arahan Amalan No. 4 tahun 1994 dan Arahan Amalan No. 1 tahun 1998. Untuk kemudahan rujukan kedua-dua Arahan-Arahan berkenaan diperturunkan di bawah ini:

Arahan Amalan No. 4 tahun 1994
Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994
Bidangkuasa Tambahan kepada Mahkamah Sesyen

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994 telahpun berkuatkuasa mulai 24 Jun 1994.

2. Pindaan tersebut memberi kuasa kepada Mahkamah sesyen untuk mendengar semua tuntutan gantirugi yang berbangkit daripada kemalangan kenderaan motor, kes tuantanah atau tuanrumah dan penyewa, dan distress bagi sewa, serta juga lain-lain kes di mana amaun atau nilai hal perkara itu tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

3. Sehubungan dengan itu, YAA Hakim Besar Malaya mengarahkan agar semua kes-kes baru bagi kategori di atas, yang difailkan selepas 24 Jun 1994 hendaklah difailkan di Mahkamah sesyen yang bekenaan. Manakala kes-kes berkenaan yang telah sedia ada (pending) di Mahkamah Tinggi hendaklah terus didengar dan diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi sehingga arahan baru dikeluarkan.

Arahan Amalan No. 1 tahun 1998
Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1997
Bidangkuasa Tambahan kepada Mahkamah Sesyen

Adalah saya dengan hormatya merujuk kepada perkara di atas dan juga Arahan Amalan No. 4 tahun 1994.

2. Dimaklumkan bahawa dengan pindaan seksyen 65(1) Akta Mahkamah Rendah 1948 yang berkuatkuasa mulai 24 Jun 1994 Mahkamah Sesyen telah diberi kuasa untuk mendengar semua tuntutan yang berkaitan dengan:

– Ganti rugi yang berbangkit daripada kemalangan bermotor

– Kes tuan tanah dan penyewa

– Kes distress yang mana amaun atau nilai hal perkara tanpa had.

3. Sejak dari pindaan seksyen tersebut, masih terdapat lagi kes-kes di dalam kategori di atas yang masih menunggu perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Sehubungan dengan itu YAA Hakim Besar Malaya mengarahkan agar semua kes-kes di dalam kategori di atas yang telah sedia difailkan di Mahkamah Tinggi yang masih belum dibicarakan hendaklah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen yang berkaitan.

4. Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi mengendalikan perpindahan kes-kes berkenaan.

Plaintiff menghujahkan di dalam keadaan kes ini adalah mustahil bagi plaintif untuk mematuhi Arahan Amalan No. 1 tahun 1998 dan plaintif menegaskan bahawa plaintif seharusnya mematuhi Arahan Amalan No. 4 tahun 1994. Di bawah Arahan Amalan No. 4 tahun 1994 arahan hanya diberi agar semua kes-kes baru di dalam bidangkuasa Mahkamah Sesyen yang difailkan selepas 24 Jun 1994 hendaklah difailkan di Mahkamah Sesyen. Manakala bagi kes-kes yang sedia ada di Mahkamah Tinggi adalah diarahkan untuk terus didengar dan diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi. Plaintiff seterusnya menghujahkan bahawa defendan-defendan di dalam kes ini tidak pernah memohon atau memaklumkan kepada plaintif supaya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Sesyen. Isu ini hanya ditimbulkan semasa pendengaran di Lampiran (66) pada 29 Ogos 2001.

Peguam defendan-defendan menghujahkan di dalam kes ini memandangkan jumlah penghakiman yang diperolehi oleh plaintiff adalah di dalam bidangkuasa Mahkamah Sesyen maka A. 59 k. 27(6) KMT seharusnya terpakai. Di dalam kes ini tidak ada perakuan yang dikeluarkan oleh YA Hakim maka adalah dihujahkan bahawa bil kos sepatutnya dibuat berdasarkan skala kos yang terpakai bagi Mahkamah Sesyen bukan seperti di Lampiran (66).

Penghujahan di atas adalah disokong oleh kes *Lon Kon Sing & Ors. v. Kadrman bin Karim & Anor* [1990] 2 MLJ 433. Dalam kes di atas plaintiff telah memulakan tindakannya pada tahun 1983 di Mahkamah Tinggi menuntut gantirugi bagi satu kecederaan yang dialaminya di dalam suatu kemalangan jalanraya. Bidang kuasa Mahkamah Sesyen pada masa yang berkenaan ialah RM25,000. Pada tahun 1987 bidangkuasa Mahkamah Sesyen telah dinaikkan kepada RM100,000. Tidak ada apa-apa tindakan diambil oleh mana-mana pihak untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen. Selepas perbicaraan defendan telah diperintahkan membayar RM33,001.20 kepada plaintiff setelah diambil kira pembahagian liabiliti dan kos plaintiff yang ditaksirkan, jika tidak

dipersetujui. Plaintiff memfailkan bil kos pada skala Mahkamah Tinggi. Defendan bantah, mengatakan bil kos sepatutnya dibuat berdasarkan kepada skala kos Mahkamah Sesyen. Pendaftar bersetuju dengan bantahan defendan berdasarkan kepada fakta bahawa jumlah 100% liabiliti yang diperolehi adalah kurang dari RM100,000 dan tidak ada sijil diperolehi di bawah A. 59 k. 27(6) KMT. Plaintiff merayu kepada YA Hakim terhadap keputusan pendaftar itu. Rayuannya telah ditolak oleh YA Hakim. Di ms 434 YA Hakim menyatakan:

> Order 59 r. 27 of the Rules of the High Court 1980 is the rule applicable to costs which by order on direction of this court are to be paid to a party to any proceedings by another party thereto. See sub-r (1). Sub-rule (6) of r. 27 provides that notwithstanding the foregoing provisions of this rule, if any action is brought in the High Court, which would have been within the jurisdiction of subordinate court, or in which the plaintiff recovers by judgment a sum not exceeding $100,000, the plaintiff shall not be entitled to any more costs than he should have been entitled to if the proceedings had been brought in a subordinate court, unless in any such action a judge certifies that there was sufficient reason for bringing the action in the High Court.
>
> In this action, the plaintiff recovered by judgment a sum not exceeding $100,000. It follows that the plaintiff was not entitled to any more costs than he would have been entitled to if the proceedings had been brought in a subordinate court and accordingly the decision of the learned senior assistant registrar in this regard was perfectly right.

Peguam plaintif di sebaliknya menghujahkan, kes *Lon Kon Sing* (di atas) harus dibezakan dengan kes ini kerana ianya diputuskan sebelum daripada Arahan Amalan tahun 1994 yang menyatakan bahawa kes-kes yang difailkan sebelum dari 24 Jun 1994 yang sedia ada (pending) di Mahkamah Tinggi hendaklah terus didengar dan diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi sehingga arahan baru dikeluarkan. Tidak ada arahan baru yang terpakai kepada kes ini yang telah dikeluarkan. Berdasarkan kepada faktor tersebut maka beliau menghujahkan bahawa bantahan defendan-defendan adalah tanpa asas dan seharusnya ditolak. Sebagai alternatifnya beliau menghujahkan di dalam keadaan kes ini Timbalan Pendaftar tidak seharusnya menolak terus bil kos yang difailkan tetapi sepatutnya membuat taksiran kos berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam kes *Canopee Investment Pte. Ltd. & Ors. v. Landmarks Holdings Bhd. & Ors.* [1990] 1 CLJ 466; [1990] 1 CLJ (Rep) 699. Saya walaubagaimana pun bersetuju dengan hujahan peguam defendan-defendan bahawa adalah lebih sesuai di dalam keadaan kes ini bagi bil kos yang baru difailkan berdasarkan kepada skala Mahkamah Sesyen memandangkan kepada jumlah item yang begitu banyak sehingga ke bil 333. Ia berbeza sekali dengan kes *Canopee Investment* (di atas) di mana hanya satu item sahaja iaitu, "getting up" yang menjadi isu di dalam kes tersebut.

Di dalam keadaan kes ini saya berpendapat plaintif seharusnya memohon satu perakuan daripada YA Hakim di bawah A. 59 k. 27(6) KMT. Ini tidak dilakukan.

Di atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas saya tolak rayuan plaintif dengan kos dan mengesahkan keputusan yang diberikan oleh Timbalan Pendaftar.